

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

IWK 304 - PENGELUARAN PERABUT

Masa: [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam **Bahasa Malaysia**.

1. (a) Terangkan elemen-elemen penting dalam merencanakan untuk menghasilkan peralatan perabot seperti kerusi
(60 markah)
- (b) Bincangkan langkah-langkah yang terlibat dalam pembuatan perabot secara industri.
(40 markah)

2. Tuliskan nota ringkas mengenai berikut:
 - (a) Peraturan-peraturan keselamatan bagi pengendalian mesin kerja kayu
(20 markah)
 - (b) Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum melakukan penyelidikan pemasaran.
(20 markah)
 - (c) Terangkan parameter ergonomik yang perlu diberi perhatian di dalam pembuatan perabot.
(60 markah)

3. (a) Nama dan lakarkan bahagian utama mesin gergaji gelung dan terangkan fungsi bahagian-bahagian tersebut. Senarai dan lakarkan 5 jenis pemotongan yang boleh dibuat dengan menggunakan mesin gergaji gelung.
(50 markah)
- (b) Nama dan lakarkan bahagian utama mesin gergaji piring (table circular saw) dan terangkan fungsi bahagian-bahagian tersebut. Senarai dan lakarkan 5 jenis pemotongan yang boleh dibuat dengan menggunakan mesin gergaji piring.
(50 markah)

4. (a) Berpandukan lakaran terangkan bagaimana caranya untuk membuat tanggam "rabbet"
(20 markah)
- (b) Lakarkan tanggam "dado" dan 4 jenis tanggam lekap (lap joints)
(20 markah)
- (c) Terdapat beberapa langkah kemasiapan yang boleh dilakukan untuk menghasilkan kemasiapan yang dikehendaki. Terangkan proses kemasiapan kayu jenis kompleks ("complex wood finish") dan jenis kemasiapan yang menyamai kayu ("the close to the wood finish").
(60 markah)

oooOOOOooo